



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) melihat produk baharu dalam majlis Pengenalan Produk Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

Hari Membeli Produk Inovasi diperkenal tahun depan

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bercadang untuk mengadakan Hari Membeli Produk Inovasi bermula tahun depan bagi memastikan masyarakat menggunakan produk inovasi dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, produk inovasi yang dihasilkan kebanyakannya menggunakan teknologi yang tinggi dan memenuhi keperluan masyarakat, namun masih kurang diterima oleh orang ramai.

"Mungkin masyarakat kurang

yakin dengan produk yang dihasilkan oleh orang tempatan disebabkan itu, produk tersebut tidak mendapat sambutan menggalakkan.

"Oleh itu, budaya membeli produk inovasi perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat dan kita percaya dengan adanya Hari Membeli Produk Inovasi, ia mampu membantu agensi-agensi tertentu untuk memasarkan produk mereka," katanya dalam sidang akhbar dalam majlis Pengenalan Produk Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY), 2016 di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 10 produk daripada pelbagai agensi diperkenalkan MCY, antaranya sistem pembayaran tempat letak kenderaan iaitu aplikasi telefon Street Parking Mobile dari pada Technology Park Malaysia dan blok menggunakan kaedah pemasangan ringkas, Putra Block (Universiti Putra Malaysia).

Selain itu, alat perangkap nyamuk, MyMAT (Institut Penyelidikan Perubatan) dan minuman kesihatan antipenuaan daripada ekstrak limau, Nutrima Cell Code (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia).